

Air mata pilu iringi pemergian Cikgu Samuel

Guru pencetus 'sekolah pokok' murid Orang Asli bakal lanjut pelajaran di AS

Oleh Muhammad Fairoz Azizan
muhamadfairoz@bh.com.my

Pekan: Suasana pilu menyelimuti Sekolah Kebangsaan (SK) Runchang, di sini, apabila seorang gurunya yang pernah memperkenalkan sekolah pokok untuk murid Orang Asli sehingga tular, tamat bertugas, semalam.

Guru bahasa Inggeris, Samuel Isaiah, 32, yang sudah lapan tahun berkhidmat di sekolah itu bakal melanjutkan pelajaran dalam bidang Kepimpinan dan Dasar Pendidikan di The State University of New York, Amerika Syarikat (AS), selama dua tahun.

Beliau yang menerima Anugerah Guru Adiwira, Mei lalu, memaklumkan keputusannya itu bertujuan membawa perubahan dalam sistem pembelajaran anak Orang Asli pada masa depan.

"Murid di sini banyak membuka mata saya untuk membantu mereka dalam pendidikan. Selama saya di sini, mereka ibarat anak sendiri yang dahagakan perhatian dalam pelajaran."

"Sukar saya menggambarkan perasaan selepas bertungkus lumus membuat perubahan membantu murid sekolah ini menguasai bahasa Inggeris dan menanam minat mereka hadir ke sekolah," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.



Samuel memujuk muridnya pada majlis perpisahan di SK Runchang, semalam. (Foto Muhammad Asyraf Sawal/BH)

Kegigihan beliau berulang-alik hampir 200 kilometer setiap hari bagi membantu muridnya melalui teknik belajar dengan muzik dan sekolah pokok, meraih perhatian ramai apabila tular dalam media sosial sejak awal tahun ini.

"Selama di sini, saya banyak mendapat sokongan daripada guru lain dan pentadbir sekolah. Malah, saya menolak tawaran bertukar ke sekolah lain kerana mahu membantu murid di sini mendapat pendidikan setaraf sekolah di bandar."

"Bidang pengajian yang saya ambil ini pun untuk membentuk sistem pendidikan anak Orang Asli yang jauh ketinggalan. Saya mahu berbakti kepada masyarakat Orang Asli selepas ini supaya mereka memperoleh pendidikan berkualiti," katanya.

Samuel memaklumkan, idea

Bidang pengajian yang saya ambil ini pun untuk membentuk sistem pendidikan anak Orang Asli yang jauh ketinggalan. Saya mahu berbakti kepada masyarakat Orang Asli selepas ini supaya mereka memperoleh pendidikan berkualiti.

Samuel Isaiah,
Guru bahasa Inggeris

sekolah pokok turut diguna pakai seorang guru di SK Balar di Gua Musang, Kelantan, bagi membantu murid Orang Asli.

Malah, beliau berkata, peralatan muzik Ukulele digunakan dalam usaha mengajar, turut diserahkan kepada pendidik di SK Balar berikutan tiada guru di SK Runchang yang boleh mengajar menggunakan instrumen itu.

"Saya sedih apabila ada bekas murid hanya belajar separuh jalan di sekolah menengah sebab tidak mendapat perhatian seperti di SK Runchang."

"Saya tidak mahu perkara sebegini berlaku lagi pada masa depan dan berharap selepas tamat pengajian nanti, saya akan kembali berbakti kepada anak Orang Asli bagi menarik minat mereka meneruskan persekolahan hingga tamat," katanya.